

Awas syarikat asing cuba rampas pasaran dari AFTA

UM - 8 NOV 2001

Oleh ISMAIL DAUD
dan ASUKI ABAS

KUALA LUMPUR 7 Nov. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengingatkan negara-negara ASEAN mengenai percubaan syarikat asing untuk merampas pasaran yang akan wujud melalui penubuhan Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA).

Perdana Menteri berkata, syarikat asing tersebut akan berse-
lindung di bawah 'industri nasional' yang ditubuhkan oleh mereka tanpa memberikan faedah sewajarnya kepada rakyat tempatan.

"Menyedari potensi pasaran yang dibesarkan itu, firma asing akan cuba memonopoli dengan menubuhkan apa yang dikatakan sebagai 'industri nasional' yang mereka miliki.

"Orang tempatan hanya akan bekerja di bawah mereka dengan sedikit sahaja pemindahan pemilikan dan teknologi," katanya ketika menyampaikan ucapan-tama pada Majlis Makan Tengah Hari Sempena Persidangan dan Pameran Majlis Petroleum ASEAN (Ascope) ke-7 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) hari ini.

Dr. Mahathir berkata, walau-

pun produk yang dihasilkan oleh 'industri nasional' itu lebih murah serta berkualiti tinggi, syarikat tempatan sebenar akan ketinggalan dan tidak dapat meningkatkan keupayaan industri mereka.

Bersepadu

"Dengan itu kedudukan ekonomi kita tidaklah lebih baik berbanding semasa kita menjadi koloni pengeluaran bahan mentah, cuma bezanya ialah kita sekarang merupakan pemasang barangan asing.

"Sudah tentu kita mahu dan perlukan pelaburan langsung

asing tetapi ia mestilah untuk meningkatkan eksport ke rantau lain dan jika boleh mereka sepatutnya memberikan bahagian yang adil dalam industri itu kepada orang tempatan," tambah beliau.

Dalam ucapannya itu, Dr. Mahathir mahu pembangunan grid elektrik dan gas bersepadu ASEAN dipercepatkan bagi memastikan negara-negara anggotanya dapat bersaing dalam globalisasi.

Beliau berkata, grid elektrik dan gas yang menghubungkan seluruh rantau ini akan membe-

■ Lihat muka 11

Awas syarikat asing cuba rampas pasaran dari AFTA

rikan kelebihan kepada negara-negara ASEAN memperoleh tenaga dengan mudah dan murah.

"Tenaga yang murah pula penting untuk memberikan kita kelebihan daya saing (kerana) untuk meneruskan kelangsungan hidup dalam ekonomi baru, kita perlu mencari dan membangunkan setiap kelebihan yang dimiliki secara berseendirian ataupun bersama," katanya.

Dr. Mahathir berkata, selain grid elektrik dan gas, rangkaian jalan raya dan landasan kereta api juga harus disambung manakala perjalanan merentasi ASEAN harus dipermudahkan melalui penggunaan kad pintar.

"Pelbagai segi tiga pertumbuhan yang ada juga harus dibangunkan secara serius bagi mengambil faedah dari kekuatan masing-masing seperti tenaga manusia, sumber semula jadi, modal dan teknologi," ujarnya.

Menurut Perdana Menteri, pasaran dan pembangunan ekonomi ASEAN harus dilakukan sendiri oleh negara anggota dengan mempergunakan sepenuhnya hubungan rapat serta memaksimumkan penggunaan sumber dari dalam ASEAN sendiri.

Semua industri serantau perlu dibangunkan berdasarkan keperluan pasaran serantau, bukannya berdasarkan kehendak negara masing-masing sahaja, kata Perdana Menteri.

"Jika semua negara mahukan industri yang serupa, maka wujudlah pasaran nasional yang kecil bagi setiap negara, bukannya pasaran serantau. Dengan itu, komuniti ekonomi itu (AFTA) akan gagal," tegasnya.

Dr. Mahathir turut mengingatkan negara-negara ASEAN supaya kekal bersatu padu mempertahankan pasaran serantau dalam menjalankan urusan dengan negara-negara maju.

Beliau berkata, walaupun dunia perlu menerima pelaksanaan globalisasi, tafsiran mengenai perlu diubah memandangkan ia hanya menekankan mengenai faktor-faktor yang hanya menguntungkan syarikat-syarikat besar dari negara maju.

Syarikat tempatan yang kecil harus turut dilindungi bagi memastikan rakyat tempatan dapat mengambil bahagian serta memperoleh kemahiran dan keuntungan dari pelaksanaan globalisasi selain mengekalkan kelainan yang mewarnai hidup, katanya.

"Kelainan adalah rempah hidup dan ia semakin terhakis apabila kita bermalam di Hotel Hilton, makan burger McDonald's, memandu kereta Ford, melanggan dengan Citibank dan membeli-belah di pasar raya Carrefour," kata Perdana Menteri.